

*Artikel*

**Tinjauan Awal Kes-Kes Integriti dan Rasuah melibatkan Ahli Politik Malaysia**  
(*Preliminary Review of Integrity and Corruption Cases Involving Malaysian Politicians*)

Khadijah Muda\*, Ros Aiza Mohd Mokhtar, Kamal Azmi Abd Rahman, Siti Nor Baya Mat Yacob & Siti Nor Azhani Mohd Tohar

Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai,  
Negeri Sembilan, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [khadijahmuda@usim.edu.my](mailto:khadijahmuda@usim.edu.my)

Diserah: 24 September 2024  
Diterima: 26 April 2025

**Abstrak:** Kes-kes melibatkan kesalahan integriti dan rasuah dalam kalangan ahli politik sering mendapat perhatian orang awam. Ini kerana orang politik merupakan golongan yang sepatutnya memimpin masyarakat ke arah yang lebih bertamadun dan berintegriti tinggi. Golongan pemimpin adalah ikutan dan harapan masyarakat. Imej yang perlu ada pada diri mereka mestilah lebih berintegriti dan bebas dari kesalahan rasuah. Kajian ini dijalankan untuk meneliti kesalahan-kesalahan rasuah dan isu integriti dalam kalangan mereka untuk dijadikan sebagai panduan dan pengajaran pada ahli-ahli politik lain. Kajian kualitatif ini mendapatkan data melalui kaedah temu bual yang bertujuan untuk mengetahui apakah kes-kes yang sering dilakukan dalam kalangan ahli politik. Hasil temubual bersama pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia mendapati kesalahan yang sering dilakukan oleh ahli politik adalah kesalahan di bawah seksyen 16, 17, 18 dan 23 Akta SPRM 2009. Seksyen 16 adalah berkaitan kesalahan memberi atau menerima rasuah. Seksyen 17 pula adalah memberi atau menerima rasuah oleh ejen. Seksyen 18 adalah kesalahan tuntutan palsu. Manakala, seksyen 23 pula adalah kesalahan salah guna kuasa atau salah guna kedudukan. Hasil temubual ini juga selari dengan tinjauan terhadap laporan tahunan SPRM yang banyak memaparkan kes-kes rasuah dan integriti ahli politik. Kes-kes yang terlibat boleh dikategorikan mengikut kesalahan penyelewengan tuntutan atau tuntutan palsu, memberi dan menerima rasuah, penyalahgunaan kuasa, pengubahan wang haram, dan pecah amanah. Implikasi daripada kajian ini menunjukkan perlunya pengetahuan dan didikan berkaitan rasuah dan integriti dalam kalangan ahli politik agar mereka sedar perbuatan tersebut adalah jenayah yang memberikan kesan buruk terhadap diri, keluarga dan masyarakat.

**Kata kunci:** Kes integriti; kes rasuah; politik rasuah di Malaysia; temubual kualitatif Akta SPRM 2009

**Abstract:** Cases involving integrity and corruption offenses among politicians frequently draw public attention. This is because politicians are expected to lead society toward a more civilized and highly ethical direction. Leaders are role models and bear the hopes of the people. They must embody a higher standard of integrity and remain free from corruption. This study was conducted to examine corruption offenses and integrity issues among politicians to serve as policy implications for others in the political sphere. This qualitative study collected data through interviews aimed at identifying common offenses committed by politicians. Interviews with officers from the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) revealed that the most frequent offenses committed by politicians fall under Sections 16, 17, 18, and 23 of the MACC Act 2009. Section 16 pertains to the offense of giving or receiving bribes, while Section 17 relates to bribery involving agents. Section 18 addresses the offense of making false claims, and Section 23 involves abuse of

power or misuse of position. The interview findings align with a review of MACC annual reports, which frequently highlight cases of corruption and integrity breaches involving politicians. These cases can be categorized into offenses such as misappropriation of claims or false claims, giving and receiving bribes, abuse of power, money laundering, and criminal breach of trust. The implications of this study underscore the need for education and awareness regarding corruption and integrity among politicians so they recognize that such actions constitute crimes with detrimental effects on themselves, their families, and society.

**Keywords:** Integrity case; corruption case; political corruption Malaysia; qualitative interview; MACC act 2009

## Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk menelusuri isu integriti dalam kalangan ahli politik Malaysia dengan meneliti keskes yang dilaporkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta dapatkan daripada temubual bersama pegawai SPM dan ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Tata Kelola, Integriti dan Antirasuah Majlis Dewan Negara. Tumpuan khusus diberikan kepada pemahaman tentang bagaimana integriti difahami dan diamalkan dalam konteks politik Malaysia serta faktor-faktor yang menyumbang kepada pelanggaran integriti.

Konsep integriti dalam tadbir urus adalah sangat penting kerana ia menyokong kepercayaan rakyat terhadap kerajaan dan memberikan justifikasi kepada keyakinan bahawa kualiti tadbir urus adalah telus. Integriti penting untuk memastikan pemimpin jujur, telus, dan tidak menyembunyikan tindakan yang merugikan. Jika pemimpin politik tidak mempunyai integriti, ia akan merosakkan kepercayaan, yang merupakan elemen kritis untuk kestabilan demokrasi (Huberts, 2018). Kepercayaan kepada kerajaan tanpa integriti boleh membahayakan, kerana ia membenarkan amalan yang korup atau tidak adil untuk terus berleluasa. Berdasarkan pandangan Montefiore dan Vines (1999), integriti sering ditafsirkan sebagai keutuhan, keselarasan, serta kesempurnaan prinsip dan nilai. Ini bermakna seseorang yang berintegriti mempunyai konsistensi dalam tindakan dan keyakinan. Karssing (2001; 2007) dalam penulisannya merujuk bahawa integriti adalah sebagai suatu tanggungjawab profesional, di mana seseorang melaksanakan tugas dengan cermat dan bertanggungjawab sambil mempertimbangkan semua kepentingan yang relevan, termasuk aspek persekitaran. Integriti dalam konteks ini melibatkan pelaksanaan tugas dengan teliti dan penuh tanggungjawab. Berdasarkan perspektif Islam pula, konsep ketakwaan dan ketaatan melalui nilai-nilai seperti kepercayaan, Ikhlas, adil, ukhuwwah, mujahaddah adalah asas pembentukan Islamic worldview dan mereka yang memahami dan mendokong nilai-nilai ini tidak akan mengkhianati integriti (Dimas Bagus et al., 2013).

Ahli politik merupakan individu berpengaruh dalam proses tadbir urus negara, memainkan peranan dalam menggubal dasar dan menentukan hala tuju negara. Tadbir urus yang berkesan bergantung pada integriti politik iaitu apabila pemimpin bertindak demi kepentingan awam, menjunjung etika, dan menolak rasuah. Tingkah laku berintegriti dalam kalangan ahli politik akan meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan, sekaligus menyumbang kepada kestabilan dan kecekapan sistem pentadbiran.

Menurut Brahim (2012), ahli politik perlu menunjukkan kualiti perkhidmatan yang baik dan daya kepimpinan yang dinamik untuk memenuhi aspirasi rakyat serta menjamin kelangsungan masa depan politik mereka. Namun begitu, realiti politik Malaysia masih dibayangi oleh pelbagai isu integriti. Jones (2022) menyatakan bahawa meskipun pelbagai inisiatif telah diperkenalkan, rasuah masih berleluasa, sebahagian besarnya berpunca daripada budaya politik wang dan hubungan saling menguntungkan antara ahli politik dan ahli perniagaan.

Sebahagian ahli politik juga melihat politik sebagai alat untuk mengaut keuntungan dan menjalani hidup mewah (Faridah, n.d.). Maka amalan kronisme, pilih kasih, rasuah dan penyelewengan terus berleluasa. Wolfe dan Hermanson (2004) menyatakan dalam teori Diamond Fraud bahawa penipuan boleh berlaku disebabkan oleh tekanan yang dirasakan, peluang yang ada, rasionalisasi dan keupayaan. Faktor-faktor yang disebutkan ini boleh menyebabkan berlakunya kesalahan integriti dan rasuah. Untuk memahami dengan lebih mendalam isu-isu integriti dan rasuah dalam kalangan ahli politik, artikel ini akan menelusuri kes-kes yang melibatkan ahli politik Malaysia dalam laporan tahunan SPM dan temubual bersama pegawai SPM yang

pernah terlibat dalam operasi penyiasatan melibatkan orang politik serta temubual bersama ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Tata Kelola, Integriti dan Antirasuah Majlis Dewan Negara.

### Sorotan Literatur

Tinjauan daripada kajian-kajian lepas yang pernah dijalankan tahun-tahun kebelakangan ini terdiri daripada pelbagai kajian berkenaan integriti dan rasuah dalam konteks sektor awam dan penguatkuasaan undang-undang. Namun, terdapat kekurangan dalam kajian yang secara khusus meneliti rasuah dalam kalangan ahli politik, terutamanya dalam konteks perbandingan serantau. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan menilai dimensi integriti berkait pelaku politik serta membuat perbandingan dengan negara serantau. Kajian yang melibatkan ahli politik jarang diterbitkan, maka kajian ini akan meninjau bukan hanya melibatkan ahli politik, tetapi dari pelbagai pesalah. Namun begitu, bagi memberikan asas perbandingan yang kukuh, beberapa kajian terdahulu dalam kalangan bukan aktor politik turut dijadikan sandaran awal.

Nazirah (2021) meninjau rasuah dalam penguatkuasaan undang-undang di Asia Tenggara. Beliau melihat faktor menyebabkan berlakunya rasuah dalam kalangan polis adalah rasionalisasi, kepimpinan, pemantauan, aduan, birokrasi, latihan, desakan luaran, peluang, ganjaran dan akauntabiliti. Dapatan beliau turut menunjukkan bahawa rasuah dalam institusi penguatkuasaan berkait rapat dengan kelemahan institusi, satu ciri yang juga wujud dalam rasuah politik di beberapa negara ASEAN. Wan Shawaluddin et. al, (2020) mengkaji tentang isu penyeludupan di Pulau Sebatik, Malaysia. Faktor rasuah menyebabkan isu-isu penyeludupan dan pemerdagangan menjadi bertambah rancak. Kajian ini mencerminkan bagaimana elemen politik tempatan turut berperanan secara tidak langsung dalam memudahkan aktiviti penyeludupan melalui kelemahan kawalan sempadan.

Zam Zam dan Nik Ahmad Sufian (2023) telah mengkaji faktor pelanggaran integriti organisasi anggota kontijen Polis Diraja Malaysia (PDRM) Selangor. Faktor pelanggaran integriti adalah disebabkan oleh salahlaku dan masalah disiplin. Pelanggaran integriti dalam kalangan PDRM adalah menerima rasuah, tidak mengiringi Orang Kena Tuduhan (OKT) dengan cermat, pemerasan terhadap orang awam, berhutang, penyalahgunaan dadah dan tidak mencatat pergerakan kerja dalam diari. Azman et. al. (2022) juga telah menjalankan kajian mengenai faktor-faktor gejala rasuah dan cabaran dalam menanganinya. Faktor yang menyebabkan berlakunya rasuah dari segi kelemahan dalaman adalah adanya peluang, kelemahan peribadi dan tiada integriti. Dari segi luaran pula adalah disebabkan gaji yang rendah, tekanan kerja serta dasar negara yang kurang efektif.

Walaupun kajian-kajian ini menyumbang kepada kefahaman tentang punca dan bentuk rasuah, kebanyakannya masih kurang memberi perhatian khusus kepada pelaku politik. Oleh itu, kajian ini berhasrat untuk meneroka rasuah politik secara lebih menyeluruh dan membandingkan konteks Malaysia dengan negara jiran seperti Indonesia dan Filipina yang turut berdepan cabaran besar dalam menangani rasuah politik. Kajian perbandingan ini diharap dapat memperkuuh analisis dan menyumbang kepada wacana ilmiah yang lebih mantap dalam bidang integriti dan tadbir urus. Walaupun kajian literatur ini kekurangan kajian berkaitan ahli politik, namun tinjauan kes melibatkan ahli politik akan ditinjau daripada laporan tahunan SPRM.

#### 1. Tinjauan Kes-Kes Integriti dan Rasuah Ahli Politik Malaysia melalui Laporan Tahunan SPRM

Hasil penelitian yang telah dilakukan terhadap laporan SPRM dari tahun 2009 hingga 2022 (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2010; Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2011; Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2012; Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2013; Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2014; Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2015; Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2016; Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2017; Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2018; Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2019; Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2020; Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2021; Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2022; Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2023) mengenai kesalahan rasuah melibatkan ahli politik menunjukkan terdapat lima bentuk kesalahan yang sering dilakukan oleh ahli politik. Bentuk-bentuk kesalahan tersebut adalah 1) penyelewengan tuntutan atau tuntutan palsu, 2) memberi dan menerima rasuah, 3) penyalahgunaan kuasa, 4) pengubahan wang haram, dan 5) pecah amanah.

Kes penyelewengan tuntutan atau tuntutan palsu dapat diterjemahkan secara mudahnya sebagai tuntutan yang tidak benar atau tidak wujud. Berdasarkan kepada Seksyen 18 SPRM 2009, tuntutan palsu bermaksud mana-mana orang mengemukakan dokumen tuntutan (resit, invoice) yang mempunyai butiran matan palsu dengan niat untuk memperdayakan prinsipal (pejabatnya). Sebagai contoh, laporan tahunan SPRM 2009 (2010) melaporkan kes tuntutan palsu dari lima orang bekas ADUN dan pegawai khas ADUN atas kesalahan mengemukakan butiran tuntutan palsu. Penyelewengan dan salah guna kuasa tersebut melibatkan peruntukan pembangunan tahunan ADUN. Dalam laporan tersebut turut diselit tentang pengurus syarikat swasta yang telah bersubahat dengan ahli politik mengemukakan tuntutan palsu berkaitan bekalan alatan sukan dan mesin jahit, sedangkan pembekalan tersebut tidak berlaku. Bekas ADUN Teratai juga antara contoh kes tuntutan palsu, iaitu beliau memalsukan dokumen dengan memohon peruntukan ADUN di bawah program mesra rakyat sempena sambutan Tahun Baru Cina di Taman Bukit Segar, Cheras Hartamas pada 10 Februari 2008, namun program tersebut tidak pernah diadakan (Laporan tahunan SPRM 2011, 2012). Melalui laporan ini juga menyatakan bahawa bekas ADUN tersebut turut dituduh dengan enam tuduhan lain dengan kesalahan tuntutan palsu, namun program tidak pernah diadakan. Laporan tahunan SPRM 2012 (2013) turut memaparkan kesalahan tuntutan palsu Ahli Parlimen Sabak Bernam dan pembantunya dengan lapan pertuduhan. Kejadian berlaku ketika Ahli Parlimen tersebut menjadi ADUN Sungai Air Tawar, Selangor dengan tuduhan tuntutan palsu dengan kos RM80,000 ke atas program-program yang tidak pernah dilaksanakannya. Program-program tersebut adalah program motivasi pelajar, program mesra rakyat dan hari keluarga, program forum perdana dan sambutan maulud nabi.

Bentuk kesalahan kedua, memberi dan menerima rasuah merupakan kesalahan yang telah termaktub dalam Akta SPRM 2009 (Akta 694) seksyen 16. Seksyen ini menyatakan

- “ 16. Mana-mana orang yang sendiri atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain—  
(a) secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain; atau  
(b) secara rasuah memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain,  
apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi, atau selainnya oleh sebab—  
(A) mana-mana orang melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenar atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku; atau  
(B) mana-mana pegawai sesuatu badan awam melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenar atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku, yang dengannya badan awam itu terlibat,  
melakukan suatu kesalahan.”

Contoh kes yang melibatkan ahli politik dalam kesalahan ini daripada laporan tahunan SPRM 2011 (2012) adalah bekas ADUN Lenggeng yang telah dihukum penjara kerana menerima suapan dan janji beliau akan memberi surat sokongan kepada pemberi suapan bagi mendapatkan permit menjual pasir. Contoh lain melalui laporan tahunan SPRM 2018 (2019) adalah isteri bekas Perdana Menteri didakwa meminta dan menerima rasuah dalam kes penyelewengan Projek Bersepadu Sistem Solar Photovoltaic (PV) Hibrid dan Penyelenggaraan dan Operasi Genset/Diesel bagi sekolah di Sarawak. Dalam laporan ini juga menyelitkan kes bekas Menteri Wilayah Persekutuan yang didakwa atas dua pertuduhan menerima rasuah berhubung penjualan tanah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan meluluskan kenaikan ratio plot. Dalam laporan tahunan SPRM 2019 (2020) pula memaparkan beberapa kes menerima suapan. Antaranya bekas Ketua Menteri Sabah dituduh menerima suapan daripada lapan pemilik konsesi balak. Wang suapan itu sebagai balasan agar beliau memberi kontrak konsesi balak Sabah kepada 16 syarikat. Selain itu, kes ahli parlimen Kinabatangan yang juga bekas pengurus Felcra Berhad dan isteri didakwa menerima suapan daripada dua agen Public Mutual. Suapan ini sebagai dorongan untuk mendapatkan kelulusan Menteri Kewangan II agar Felcra Berhad melabur bagi produk unit amanah Public Mutual Berhad. Laporan ini juga memaparkan kes bekas pengurus Tabung Haji menerima suapan dari pengarah syarikat Menuju Asas Sdn. Bhd. sebagai upah membantu syarikat itu mendapatkan projek-projek kerajaan secara rundingan terus dan tender terhad di sekitar

negeri Perak dan Kedah. Laporan tahunan SPRM 2020 (2021) berkaitan kes memberi dan menerima rasuah memaparkan kes-kes seperti kes bekas Menteri Kewangan II. Beliau meminta suapan sebanyak sepuluh peratus daripada keuntungan yang akan diperolehi oleh ahli perniagaan sebagai upah membantu syarikat Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. untuk projek pembinaan jalan-jalan utama dan terowong di Pulau Pinang. Pada 15 Oktober 2020, bekas setiausaha politik Menteri Pertahanan dituduh menerima rasuah daripada syarikat FEHM Entity Sdn. Bhd. sebagai balasan membantu syarikat tersebut mendapatkan kontrak perkhidmatan senggaraan dan khidmat sokongan sistem PRISMA, Bahagian Staf Perisikan Pertahanan, Kementerian Pertahanan Malaysia (Laporan tahunan SPRM 2020, 2021). Selain itu, bekas setiausaha sulit kanan Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian Malaysia turut dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan meminta dan menerima suapan daripada pemilik syarikat Inter Bev Network Sdn. Bhd. Suapan ini dilakukan sebagai upah untuk mendapatkan tender ‘Perkhidmatan Penghasilan Penjenamaan dan Kreatif Untuk Kempen Pengiklanan Tourism Malaysia’ serta ‘Perkhidmatan Pembelian Ruang Iklan Bagi Pasaran Negara-Negara Asia Utara dan Asia Timur Tourism Malaysia’ untuk syarikat Inter Bev Network. Beliau juga berjanji untuk mendapatkan tender ‘RFP-Global Advertising Agencies and Promotion for Tourism Malaysia’ untuk syarikat Plan B Digital Sdn. Bhd.

Bentuk kesalahan ketiga ialah penyalahgunaan kuasa yang membawa maksud menggunakan kedudukan atau jawatan untuk kepentingan diri sendiri atau pihak tertentu. Daripada laporan tahunan SPRM 2010 hingga 2022 menunjukkan banyak kes ahli politik dalam salah guna kuasa. Contohnya bekas Menteri Besar Selangor menggunakan pengaruhnya untuk membeli hartanah dengan harga di bawah harga pasaran dengan diskau sehingga RM3 juta untuk pembelian sebuah banglo mewah (Laporan tahunan SPRM 2011, 2012). Laporan tahunan SPRM 2016 (2017) juga melaporkan Ketua Menteri Pulau Pinang telah ditahan kerana isu pembelian banglo miliknya yang dibeli dengan nilai RM2.8 juta daripada Phang Li Koon, sedangkan harga semasa bernilai RM4.27 juta. Laporan tahunan SPRM 2018 (2019) juga melaporkan kes salah guna kuasa yang melibatkan bekas Perdana Menteri Malaysia berkenaan kes 1MDB berhubung dana SRC International (anak syarikat 1MDB) berjumlah RM42 juta. Beliau pada ketika itu menyalahgunakan kuasanya sebagai pengurus Lembaga Penasihat 1MDB, Menteri Kewangan dan Perdana Menteri dengan memberi arahan dan meluluskan pelaburan serta pinjaman yang dibuat 1MDB. Laporan tahunan SPRM 2021 (2022) juga melaporkan kesalahan salah guna kuasa melibatkan ahli parlimen Labuan. Beliau sebagai pegawai badan awam yang memegang jawatan sebagai timbalan pengurus Lembaga Pelabuhan Labuan telah memberi kontrak pekerjaan operator Dermaga Merdeka Pelabuhan Labuan kepada syarikat Liberty Port Management Sdn. Bhd., yang mana bapa dan adiknya mempunyai kepentingan dalam syarikat tersebut.

Bentuk kesalahan yang keempat adalah pengubahan wang haram. Ia adalah proses untuk mendapatkan keuntungan daripada aktiviti jenayah namun telah diubah seolah-olah keuntungan tersebut diperolehi daripada sumber yang sah. Sumber asal wang diperolehi secara haram seperti rasuah, pengedaran dadah, penipuan atau jenayah lain. Pengubahan wang ini dilakukan agar sumber yang haram tidak dapat dikesan. Contoh kes pengubahan wang haram adalah Ketua Perhubungan Bahagian Parlimen Libaran dituduh melibatkan diri dalam pengubahan wang haram dengan jumlah sebanyak RM9,303 (Laporan tahunan SPRM 2014 (2015). Kes lain dalam laporan tahunan SPRM 2018 (2019) adalah kes yang melibatkan isteri bekas Perdana Menteri Malaysia dengan 12 pertuduhan pengubahan wang haram. Dalam laporan yang sama juga memuatkan juga kes berkaitan Presiden UMNO dengan pertuduhan pengubahan wang haram kerana terbabit secara langsung dalam transaksi aktiviti haram antara 2016 sehingga 2018. Laporan tahunan SPRM2019 (2020) juga melaporkan kes berkaitan bekas ahli parlimen Baling yang menghadapi sembilan pertuduhan kerana melibatkan diri dalam jenayah pengubahan hasil aktiviti haram daripada empat syarikat dari tahun 2010 sehingga 2018 dari Aabar Investment PJS Ltd. melalui akaun Red Granite Capital Ltd. Dalam laporan yang sama juga memaparkan kes melibatkan penasihat undang-undang UMNO atas kesalahan pengubahan wang haram. Beliau didakwa memasukkan tiga keping cek Am Islamic Bank Berhad berjumlah RM15 juta milik bekas Perdana Menteri, ke dalam ‘akaun pelanggan’ firma guamannya, Tetuan Hafarizam Wan & Aisha Mubarak. Laporan tahunan SPRM 2020 (2021) juga memaparkan isteri Ketua Menteri Pulau Pinang telah didakwa atas pertuduhan pengubahan wang haram dengan memindahkan wang RM372,009 daripada syarikat Excel Property Management & Consultancy Sdn. Bhd. ke akaun Public Bank Berhad miliknya. Dalam laporan

yang sama juga memaparkan Menteri Pembangunan Infrastruktur Negeri Sabah dan Peguam didakwa pecah amanah RM15.5 Juta dan pengubahan wang haram pada 11 Jun 2020. Semua pertuduhan melibatkan urus niaga pembelian tanah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Laporan tahunan SPRM 2021 (2022) juga memaparkan kes-kes ahli politik dalam pengubahan wang haram. Antaranya kes ahli parlimen Muar dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada 4 Ogos 2021 atas dua pertuduhan pengubahan wang haram. Beliau didakwa melibatkan diri dalam dua aktiviti pengubahan wang haram iaitu memindahkan wang dari akaun Maybank Islamic Berhad miliknya ke dalam akaun Amanah Saham Bumiputera miliknya. Wang tersebut didakwa adalah hasil daripada aktiviti haram. Kesalahan itu dilakukan pada 16 Jun dan 19 Jun 2018. Pada 12 Julai 2021 pula, bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung yang juga Ketua UMNO Bahagian Bayan Baru didakwa menerima wang tunai, aset dan saham melalui syarikat yang berbeza antara September 2011 hingga 10 Ogos 2020. Pada 15 Julai 2021, beliau sekali lagi didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas pertuduhan pengubahan wang haram. Ringkasnya, beliau didakwa melibatkan diri dalam pengubahan wang haram. Antaranya menerima wang dalam bentuk tunai, pembelian saham, memindahkan wang dan pembayaran kepada kontraktor melalui beberapa syarikat. Beliau juga didakwa menerima, menggunakan dan memindahkan wang daripada sebuah syarikat yang merupakan hasil daripada aktiviti haram.

Bentuk kesalah terakhir adalah pecah amanah. Antara kes yang telah dilaporkan dalam laporan tahunan SPRM 2018 (2019) ialah kes melibatkan Presiden UMNO. Beliau didakwa dengan 10 pertuduhan pecah amanah yang dikaitkan dengan Yayasan Akal Budi. Laporan tahunan SPRM 2020 (2021) juga melaporkan Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah, didakwa bersubahat dengan seorang peguam bagi melakukan pecah amanah jenayah melibatkan pembelian tanah RISDA. Peguam tersebut berperanan sebagai ejen kepada RISDA dan atas kapasiti tersebut telah diamanahkan dengan wang berjumlah RM15,545,400. Beliau didakwa telah melepaskan wang itu dengan melanggar kontrak dengan RISDA. Kesalahan berkenaan dilakukan hasil persubahatan dengan menteri tersebut. Ahli parlimen Muar juga dalam laporan tahunan SPRM 2021 (2022) telah dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan pecah amanah dan menyalahguna dana Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU). Beliau didakwa membuat pengeluaran wang melalui cek CIMB Bank Berhad, tanpa kebenaran daripada Majlis Pimpinan Tertinggi BERSATU. Beliau juga didakwa menyalahgunakan wang sumbangan untuk kampen Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) yang dikutip melalui akaun Maybank Islamic Berhad milik Armada Bumi Bersatu Enterprise.

Terdahulu, Mohd Nordin Ahmad (1995) telah mengklasifikasikan jenis rasuah dalam politik kepada tujuh bentuk yang berasaskan sebab rasuah itu dilakukan; iaitu *transactive* (suka sama suka), *extortive* (didesak), *defensive* (takut tindakan), *nepotistic* (pilih kasih), *supportive* (bersubahat) *antegenic* (ambil kesempatan) dan *investive* (kononnya pelaburan).

Salah laku integriti dan rasuah dalam politik bukanlah perkara baru, malah telah berlaku pada zaman Nabi Muhammad SAW. Contohnya, pihak pembesar Quraisy menawarkan kuasa, wanita dan takhta kepada Baginda agar Baginda SAW berhenti berdakwah. Meskipun ditawarkan bermacam-macam perkara, namun Baginda SAW tetap berpegang kepada prinsip agama dan mempraktikkan nilai integriti. Jelas di sini, amalan rasuah dalam bentuknya yang pelbagai telah berlaku semenjak dahulu lagi (Nurul Syahadah Mohamad Riza, Mohd Farhan Md Ariffin & Muhammad Safwan, 2023). Secara umumnya integriti amat penting bagi memastikan individu menjalankan tanggungjawab secara jujur dan amanah serta terhindar daripada amalan rasuah (Wayandiana Abdullah & Rahimah Abdul Aziz, 2019).

Kajian lepas telah memberikan gambaran tentang isu integriti dan rasuah dalam pelbagai konteks, termasuk penyeludupan (Wan Shawaluddin et al., 2020), pelanggaran integriti dalam kalangan anggota polis (Zam Zam & Nik Ahmad Sufian, 2023), serta faktor dalaman dan luaran yang menyumbang kepada rasuah (Azman et al., 2022). Selain itu, meskipun laporan tahunan SPRM sering digunakan sebagai sumber utama data, tiada sistem ukuran yang spesifik, seperti indeks integriti ahli politik, yang dapat menggambarkan tahap sebenar masalah ini. Kajian ini mengisi jurang tersebut dengan memfokuskan kepada kajian awal berkaitan rasuah dan kesalahan integriti dalam kalangan ahli politik bagi menilai integriti mereka.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu temubual bersemuka dilakukan terhadap informan penting seperti pegawai SPRM dan ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Tata Kelola, Integriti dan Antirasuah Majlis Dewan Negara. Kaedah temubual ini membolehkan pengkaji memperoleh maklumat yang lebih mendalam dan spesifik daripada informan, serta memberi peluang untuk penjelasan semula sekiranya responden tidak memahami soalan yang diberikan (Kenneth, 1984). Panjang temubual adalah sekitar satu hingga dua jam setiap sesi, dan hasil temubual tersebut ditranskripsi dan dikodkan untuk tujuan analisis tematik. Tiga orang pegawai SPRM yang ditemubual dalam kajian ini adalah pegawai berpengalaman dalam operasi dan siasatan melibatkan orang politik, dengan gelaran Penolong Kanan Pesuruhjaya, Ketua Penolong Kanan Penguasa dan Penolong Penguasa dari Bahagian Pendidikan Masyarakat. Mereka diberi kod A, B, dan C. Seorang ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Tata Kelola, Integriti dan Antirasuah Majlis Dewan Negara turut ditemubual dan diberikan kod D. Pengkaji menggunakan analisis tematik untuk mengenal pasti tema dan corak penting yang berkaitan dengan objektif kajian. Semua langkah dalam kajian ini dilakukan dengan mematuhi prinsip kerahsiaan dan kebolehpercayaan maklumat yang diberikan oleh informan.

## Hasil Kajian

Bagi menjawab persoalan yang melibatkan kes-kes integriti dan rasuah yang pernah berlaku dalam kalangan ahli politik, selain daripada laporan tahunan SPRM, temubual turut dilakukan. Hasil daripada temubual tersebut pegawai A menyatakan bahawa kesalahan integriti dan rasuah yang biasa melibatkan ahli politik adalah kesalahan mengikut seksyen 16, 17, 18 dan 23 Akta SPRM 2009. Jadual di bawah merupakan isi penerangan tentang seksyen yang disebutkan ini beserta dengan contoh kes yang disebut oleh informan A. Maklumat yang disebut oleh informan A juga dipersetujui oleh informan B dan C.

Jadual 1. Maklumat kesalahan dan contoh kes

Kesalahan	Seksyen dan Penerangan	Contoh Kes
menerima atau memberi suapan	<p>“ 16. Mana-mana orang yang sendiri atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain—</p> <p>(a) secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain; atau</p> <p>(b) secara rasuah memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain,</p> <p>apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi, atau selainnya oleh sebab—</p> <p>(A) mana-mana orang melakukan atau tidak melakukan apa-apa juga berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenar atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku; atau</p> <p>(B) mana-mana pegawai sesuatu badan awam melakukan atau tidak melakukan apa-apa juga berkenaan dengan apa-apa</p>	<p><b>CONTOH 1</b> Seorang calon bertanding jawatan dalam pemilihan parti memberi rasuah RM1,000.00 kepada 5 orang ahli parti supaya ahli berkenaan mengundinnya dalam pemilihan parti.</p> <p><b>CONTOH 2</b> Seorang calon Ketua Pemuda sebuah parti politik memberi rasuah berjumlah RM5,000.00 kepada seorang kontraktor sebagai balasan untuk kontraktor berkenaan menolak tawaran penyelesaian hutang daripada seorang pesaing jawatan Ketua Pemuda parti supaya pesaing berkenaan kekal muflis dan tidak layak bertanding jawatan dalam pertandingan tersebut.</p>

memberi atau menerima suapan oleh ejen

dengan maksud untuk memperdayakan prinsipal oleh ejen

perkara atau transaksi, sama ada yang sebenar atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku, yang dengannya badan awam itu terlibat, melakukan suatu kesalahan.”

“17. Seseorang melakukan kesalahan jika—

(a) sebagai seorang ejen, dia secara rasuah menyetuju terima atau memperoleh, atau bersetuju untuk menyetuju terima atau cuba untuk memperoleh, daripada mana-mana orang, untuk dirinya sendiri atau untuk mana-mana orang lain, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya; atau  
 (b) dia secara rasuah memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menawarkan apa-apa suapan kepada manamana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, atau bagi memberikan atau tidak memberikan sokongan atau tentangan kepada mana-mana orang berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya.”

“18. Seseorang melakukan kesalahan jika dia memberi seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen dia menggunakan, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang berkenaan dengannya prinsipal itu mempunyai kepentingan, dan yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan yang palsu atau silap atau tidak lengkap tentang apa-apa butir

#### **CONTOH 1**

Seorang Setiausaha Politik meminta dan menerima sejumlah wang rasuah daripada pemilik sebuah syarikat untuk tujuan mempengaruhi Jawatankuasa Tender di sebuah kementerian meluluskan tender projek kepada syarikat berkenaan.

#### **CONTOH 2**

Seorang Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) meminta dan menerima sejumlah wang suapan daripada seorang pemilik syarikat pemaju harta tanah bagi mempercepatkan kelulusan Pelan Susunatur sebuah projek perumahan yang dimajukan oleh pemaju berkenaan.

#### **CONTOH 1**

Seorang EXCO Kerajaan Negeri membuat tuntutan daripada peruntukan ADUN yang kononnya beliau telah melaksanakan satu program untuk kawasannya tetapi program berkenaan tidak dibuat.

#### **CONTOH 2**

Seorang Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan

matan, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.”

menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan

“23. (1) Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, melakukan suatu kesalahan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang pegawai badan awam hendaklah dianggap, sehingga akasnya dibuktikan, telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, apabila dia membuat apa-apa keputusan, atau mengambil apa-apa tindakan, berhubungan dengan apa-apa perkara yang mengenainya pegawai itu, atau mana-mana saudara atau sekutunya, mempunyai kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

(3) Bagi mengelakkan keraguan, adalah diisytiharkan bahawa, bagi maksud subseksyen (1), mana-mana anggota pentadbiran sesuatu Negeri hendaklah disifatkan telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk suapan jika dia bertindak bertentangan dengan subseksyen 2(8) Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan atau peruntukan yang bersamaan dalam Perlembagaan atau Undang-Undang Tubuh Negeri itu.

(4) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi seseorang pegawai yang memegang jawatan dalam sesuatu badan awam sebagai wakil suatu badan awam lain yang mempunyai kawalan atau kawalan separa atas badan awam yang mula-mula disebut itu berkenaan dengan apa-apa perkara atau benda yang dilakukan atas sifatnya sebagai wakil sedemikian bagi kepentingan atau faedah badan awam yang satu lagi itu.”

Kampong (JPKK) atau Ketua Kampong, memperakukan sebuah keluarga di kampong berkenaan sebagai mangsa banjir untuk melayakkan “mangsa” berkenaan menerima bantuan banjir sedangkan keluarga berkenaan tidak terlibat dalam bencana banjir yang melanda kampong berkenaan.

#### **CONTOH 1**

Seorang EXCO Kerajaan Negeri yang terlibat dalam mesyuarat EXCO meluluskan permohonan tanah yang dibuat oleh saudaranya sendiri.

#### **CONTOH 2**

Seorang Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hadir dan mengambil bahagian dalam mesyuarat yang meluluskan tender projek kepada syarikat milik isterinya.

Daripada seksyen yang diterangkan di atas dapat difahami dalam bahasa yang mudah bahawa kesalahan yang sering melibatkan ahli politik adalah kesalahan memberi dan menerima rasuah, menggunakan ejen sebagai orang tengah untuk menerima atau memberi rasuah, tuntutan palsu atau penipuan atau penyelewengan wang dan salah guna kuasa. Apa yang dinyatakan oleh informan ini selari dengan kes-kes yang telah dilaporkan dalam laporan tahunan SPRM dari tahun 2009 hingga tahun 2022.

Menurut informan A, faktor utama yang menyebabkan ahli politik terlibat dengan isu integriti dan rasuah adalah disebabkan oleh sikap tamak, peluang yang wujud, kelemahan undang-undang, dan kurangnya

penguatkuasaan yang berkesan (contohnya, untuk disabitkan kesalahan jenayah, mahkamah menetapkan tahap pembuktian yang kukuh - beyond reasonable doubt). Informan D juga menyatakan bahawa peluang yang wujud dalam sistem yang tidak cukup diawasi turut memudahkan berlakunya rasuah. Di sini, jelas menunjukkan bahawa sikap individu yang memegang kuasa, ditambah dengan kekurangan sistem pengawasan yang ketat, menjadi faktor utama kepada berlakunya jenayah rasuah.

Pencegahan terhadap jenayah rasuah dan kesalahan integriti ini daripada terus bermaharajalela adalah dengan hukuman yang lebih tegas dan pendidikan yang berkesan. Walaupun hukuman telah dikuatkuasakan dan pendidikan juga telah dijalankan oleh pihak berkuasa, pendidikan dalam kalangan masyarakat, terutama dalam keluarga dan komuniti, turut memainkan peranan penting dalam membentuk budaya integriti yang lebih kuat.

Pendidikan yang diperlukan untuk ahli politik adalah lebih kepada memberi kesedaran kepada mereka tentang punca dan kesan jenayah rasuah kepada negara dan terutamanya bagi generasi yang akan datang. Selain itu, ahli politik juga wajar diberi pengetahuan tentang peranan dan tanggungjawab besar mereka dalam memerangi jenayah rasuah sehingga ke peringkat akar umbi. Penting juga bagi setiap ahli politik untuk dilatih supaya lebih beretika dan menghargai integriti sebagai asas utama dalam pentadbiran negara.

Menurut informan A lagi, bagi mendidik ahli-ahli politik berkaitan rasuah dan integriti, program-program seperti bengkel, forum dan perbincangan sering diadakan secara berkala. Program di dewan negara dan dewan rakyat turut diadakan berkenaan rasuah dan integriti. Informan D menyarankan penguatkuasaan yang lebih rapi dan penambahbaikan dalam program pendidikan yang melibatkan ahli-ahli politik untuk mengukuhkan penghayatan mereka terhadap nilai integriti. Walau bagaimanapun, terdapat cabaran dalam mendidik ahli politik, antaranya adalah wujudnya provokasi oleh ahli politik terhadap pihak SPRM atau kerajaan, masa yang terbatas, dan komitmen dari ahli-ahli politik tidak mudah diperolehi. Tambahan lagi, pihak SPRM hanya mampu memberi pengetahuan kepada ahli politik, manakala aspek pemahaman dan penghayatan adalah atas diri mereka sendiri.

Pada masa sekarang, tiada ukuran yang objektif bagi melihat tahap rasuah dan jenayah integriti ahli politik Malaysia. Ukuran yang digunakan secara umum untuk menggambarkan tahap rasuah di Malaysia adalah melalui Indeks Persepsi Rasuah (CPI). CPI hanya ukuran yang bersifat persepsi dan berbentuk umum yang kurang tepat hasil dapatannya, serta tidak menggambarkan dengan tepat tahap rasuah di Malaysia. Selain laporan tahunan, sewajarnya ukuran seperti indeks rasuah dalam kalangan ahli politik perlu dibangunkan untuk mengukur integriti mereka secara lebih mendalam dan tepat, sama ada secara kendiri atau sebelum dipilih sebagai wakil rakyat.

## Perbincangan

Kajian ini menunjukkan pelbagai bentuk kesalahan seperti rasuah, salah guna kuasa, dan tuntutan palsu. Berdasarkan hasil temubual dan tinjauan kes dari laporan SPRM, kajian ini mendapati bahawa kelemahan individu, sifat tamak, peluang yang wujud, serta kelemahan undang-undang adalah faktor utama yang menyebabkan kesalahan integriti dan rasuah berlaku. Seperti yang dinyatakan oleh Azman et al. (2022), sikap tamak dan ketidakmampuan sistem untuk menghalang penyalahgunaan kuasa memainkan peranan besar dalam berlakunya kesalahan ini. Wan Shawaluddin et al. (2020) juga menunjukkan bahawa penyeludupan lebih mudah dilakukan akibat daripada amalan rasuah yang berleluasa, memperlihatkan hubungan erat antara ketidakbertanggungjawaban politik dan jenayah rasuah.

Walaupun pelbagai dasar dan program telah dilaksanakan, seperti Akta SPRM 2009, Strategi Nasional Anti-Rasuah (NACS), Rancangan Nasional Anti-Rasuah (NACP), serta pelbagai undang-undang dan program pendidikan, keberkesanannya dalam mendidik masyarakat, khususnya ahli politik, masih rendah. Hal ini boleh dikaitkan dengan teori *moral disengagement* (Bandura, 1999), di mana individu mengaktifkan mekanisme untuk membenarkan tindakan tidak bermoral atau menafikan tanggungjawab mereka terhadap kesalahan tersebut. Dalam konteks politik, *moral disengagement* ini memungkinkan ahli politik untuk bertindak tanpa rasa bersalah atau penyesalan, kerana mereka mungkin melihat tindakannya sebagai sesuatu yang dapat diterima atau dibenarkan dalam suasana tertentu.

Menurut konsep *fraud triangle* (Cressey, 1953), terdapat tiga elemen utama yang mendorong individu untuk terlibat dalam penyelewengan dan rasuah: tekanan (pressure), peluang (opportunity), dan rasionalisasi (rationalization). Dalam kes ahli politik, tekanan untuk memenuhi janji politik dan mendapatkan sokongan boleh menjadi pendorong utama, manakala peluang sering muncul akibat daripada kelemahan pengawasan dan sistem yang ada. Rasionalisasi pula mungkin berlaku apabila ahli politik merasa bahawa tindakan mereka adalah wajar atau tidak dapat dielakkan untuk mencapai tujuan yang lebih besar, seperti kekal dalam kuasa atau menyelesaikan masalah segera.

Penyelesaian yang dicadangkan dalam kajian ini, iaitu pembentukan ukuran kendiri yang tepat untuk menilai tahap integriti dan rasuah, amat penting. Walaupun Indeks Persepsi Rasuah (CPI) sudah digunakan sebagai alat ukuran, ia lebih kepada pengukuran persepsi umum dan tidak mampu mengukur secara tepat tahap rasuah di kalangan ahli politik. Seperti yang dinyatakan oleh penilai, alat ukuran kendiri ini bukan sahaja dapat memberikan panduan yang lebih jelas kepada ahli politik untuk menilai integriti mereka, tetapi juga memberi rakyat satu alat untuk memilih pemimpin yang lebih berintegriti.

Rakyat memerlukan alat ukur begini untuk memastikan mereka memilih pemimpin yang bukan sahaja bebas dari rasuah tetapi juga bertanggungjawab secara politik. Ini penting dalam usaha untuk mencapai ketamadunan negara yang berteraskan integriti dan kepimpinan yang jujur.

## Kesimpulan

Kesalahan integriti dan rasuah adalah kesalahan yang perlu dipandang serius kerana dia bukan sahaja memberi kesan kepada diri sendiri tetapi juga kepada masyarakat Malaysia secara keseluruhannya. Ini kerana rasuah dan masalah integriti ahli politik banyak melibatkan dana awam, duit rakyat yang sepatutnya digunakan untuk membangunkan negara. Apabila duit rakyat diseleweng untuk kepentingan peribadi, maka rakyat terpaksa berhadapan dengan kekurangan kemudahan asas, kekurangan dana dalam memperkasakan program-program rakyat, kekurangan tenaga kerja dalam aspek-aspek penting pembangunan negara dan sebagainya. Ahli-ahli politik sebelum dilantik sebagai pemimpin negara, sewajarnya diuji dengan indeks rasuah dan integriti agar mereka mempunyai pengetahuan tentang rasuah dan kesalahan-kesalahan integriti. Bahagian pendidikan masyarakat, SPRM telah memainkan peranan mereka dalam mendidik masyarakat dari peringkat tadika hingga peringkat masyarakat termasuk ahli politik. Oleh itu, semua individu hendaklah memainkan peranan dalam mendidik orang sekeliling tentang isu integriti dan rasuah. Ini kerana pembangunan negara yang bertamadun memerlukan masyarakat yang berintegriti tinggi dan tinggi moralnya.

**Penghargaan:** Artikel ini merupakan hasil penyelidikan di bawah dana Geran Penyelidikan USIM. Tajuk penyelidikan: Kajian Awal Pembinaan Model Integriti dan Anti Rasuah Ahli Politik (M-Integriti) Berdasarkan Aqli dan Naqli. Kod projek: PPPI/USIM/FKP/USIM/111323.

## Rujukan

- Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).  
<https://www.sprm.gov.my/admin/files/sprm/assets/pdf/penguatkuasaan/akta-694-bm.pdf>
- Azman Ab Rahman, Nur Wahida Lokman, Lutfi Mohamed Zain, Syed Mohd Najib Syed Omar & Setiyawan Gunardi. (2022). Analisis Faktor-Faktor Gejala Rasuah dan Cabaran Menanganinya di Malaysia. *Malaysian Journal of Shariah Law*, 10(1), 90-97. <https://doi.org/10.33102/mjsl.vol10no1.387>
- Bandura, A. (1999). Moral disengagement in the perpetration of inhumanities. *Personality and Social Psychology Review*, 3(3), 193–209. [https://doi.org/10.1207/s15327957pspr0303\\_3](https://doi.org/10.1207/s15327957pspr0303_3)
- Brahim, Malike. (2012). Peranan Wakil Rakyat dalam Parti Politik dan Komuniti. *Persidangan Kebangsaan Libatsama Universiti dan Komuniti* [LUK 21], 85-94. <https://core.ac.uk/download/12121673.pdf>
- Faridah Mahabob. (n.d.) Rasuah dalam Politik. *Rencana Khas SPRM*, 25-26.  
[https://www.sprm.gov.my/admin/uploads\\_publication/rasuah-dalam-politik-jurnal-my-15112020.pdf](https://www.sprm.gov.my/admin/uploads_publication/rasuah-dalam-politik-jurnal-my-15112020.pdf)
- Dimas Bagus Wiranata Kusuma, Thaer Faisal Abdelrahim Qushtom, Nur Jamaluddin. (2013, April 2–4). *How does Islamic worldview build integrity?* Paper presented at ASEAN Seminar & Conference:

- “Educating ASEAN Societies for Integrity – The Role of Educators & Students in Building Integrity,” Jakarta, Indonesia.
- Huberts, L. W. J. C. (2018). Integrity: What it is and Why it is Important. *Public Integrity*, 20(sup1), S18–S32. <https://doi.org/10.1080/10999922.2018.1477404>
- Jones, D. S. (2022). Challenges in combating corruption in Malaysia: issues of leadership, culture and money politics. *Public Administration and Policy*, 25(2), 136–149. <https://doi.org/10.1108/PAP-01-2022-0002>
- Karssing, E. D. (2007). *Morele competentie in organisaties* [Moral competence in organizations]. Van Gorcum. (Original work published 2001)
- Kenneth D. Bailey (1984). *Kaedah Penyelidikan Sosial*, terj Hashim Awang. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nordin Ahmad. (1995). Masyarakat Melayu: Budaya rasuah dan penyelesaiannya. Dlm. Mahadi Osman, Syed Nurul Akla Syed Abdullah & Sa'adiah Hassan (pnyt.), *Masyarakat Melayu dan gejala sosial: Proses penyelesaian ke arah pembinaan masyarakat Melayu cemerlang abad ke-21*. Institut Perkembangan Minda.
- Montefiore, A., & Vines, D. (Eds.). (1999). Integrity in the public and private domains. Routledge
- Nazirah Hassan. (2021). Rasuah Dalam Penguatkuasaan Undang-Undang Di Asia Tenggara: Satu Tinjauan Skop. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(8), 196-212.
- Nurul Syahadah Mohamad Riza, Mohd Farhan Md Ariffin & Muhammad Safwan. (2023). Rasuah dalam Perspektif Hadith: Hukuman dan Penguatkuasaan. *Jurnal 'Ulwan* 8(2), 1-15.
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (2010). *Laporan tahunan SPRM 2009*. [https://www.sprm.gov.my/admin/uploads\\_publication/laporan-tahunan-sprm-2009-jurnal-my-15112020.pdf](https://www.sprm.gov.my/admin/uploads_publication/laporan-tahunan-sprm-2009-jurnal-my-15112020.pdf)
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (2011). *Laporan tahunan SPRM 2010*. [https://www.sprm.gov.my/admin/uploads\\_publication/laporan-tahunan-sprm-2010-jurnal-my-15112020.pdf](https://www.sprm.gov.my/admin/uploads_publication/laporan-tahunan-sprm-2010-jurnal-my-15112020.pdf)
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (2012). *Laporan tahunan SPRM 2011*. [https://www.sprm.gov.my/admin/uploads\\_publication/laporan-tahunan-sprm-2011-jurnal-my-15112020.pdf](https://www.sprm.gov.my/admin/uploads_publication/laporan-tahunan-sprm-2011-jurnal-my-15112020.pdf)
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (2013). *Laporan tahunan SPRM 2012*. [https://www.sprm.gov.my/admin/uploads\\_publication/laporan-tahunan-sprm-2012-jurnal-my-15112020.pdf](https://www.sprm.gov.my/admin/uploads_publication/laporan-tahunan-sprm-2012-jurnal-my-15112020.pdf)
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (2014). *Laporan tahunan SPRM 2013*. [https://www.sprm.gov.my/admin/uploads\\_publication/laporan-tahunan-sprm-2013-jurnal-my-15112020.pdf](https://www.sprm.gov.my/admin/uploads_publication/laporan-tahunan-sprm-2013-jurnal-my-15112020.pdf)
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (2015). *Laporan tahunan SPRM 2014*. [https://www.sprm.gov.my/admin/uploads\\_publication/laporan-tahunan-sprm-2014-jurnal-my-15112020.pdf](https://www.sprm.gov.my/admin/uploads_publication/laporan-tahunan-sprm-2014-jurnal-my-15112020.pdf)
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (2016). *Laporan tahunan SPRM 2015*. [https://www.sprm.gov.my/admin/uploads\\_publication/laporan-tahunan-sprm-2015-jurnal-my-15112020.pdf](https://www.sprm.gov.my/admin/uploads_publication/laporan-tahunan-sprm-2015-jurnal-my-15112020.pdf)
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (2017). *Laporan tahunan SPRM 2016*. [https://www.sprm.gov.my/admin/uploads\\_publication/laporan-tahunan-sprm-2016-jurnal-my-15112020.pdf](https://www.sprm.gov.my/admin/uploads_publication/laporan-tahunan-sprm-2016-jurnal-my-15112020.pdf)
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (2018). *Laporan tahunan SPRM 2017*. [https://www.sprm.gov.my/admin/uploads\\_publication/laporan-tahunan-sprm-2017-jurnal-my-15112020.pdf](https://www.sprm.gov.my/admin/uploads_publication/laporan-tahunan-sprm-2017-jurnal-my-15112020.pdf)
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (2019). *Laporan tahunan SPRM 2018*. [https://www.sprm.gov.my/admin/uploads\\_publication/laporan-tahunan-sprm-2018--my-21012021.pdf](https://www.sprm.gov.my/admin/uploads_publication/laporan-tahunan-sprm-2018--my-21012021.pdf)

- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (2020). *Laporan tahunan SPRM 2019*. [https://www.sprm.gov.my/admin/uploads\\_publication/laporan-tahunan-sprm-2019-jurnal-my-15112020.pdf](https://www.sprm.gov.my/admin/uploads_publication/laporan-tahunan-sprm-2019-jurnal-my-15112020.pdf)
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (2021). *Laporan tahunan SPRM 2020*. [https://www.sprm.gov.my/admin/uploads\\_publication/buku-laporan-tahunan-sprm-2020-my-12082021.pdf](https://www.sprm.gov.my/admin/uploads_publication/buku-laporan-tahunan-sprm-2020-my-12082021.pdf)
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (2022). *Laporan tahunan SPRM 2021*. [https://www.sprm.gov.my/admin/uploads\\_publication/laporan-tahunan-sprm-2021--my-04072022.pdf](https://www.sprm.gov.my/admin/uploads_publication/laporan-tahunan-sprm-2021--my-04072022.pdf)
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (2023). *Laporan tahunan SPRM 2022*. [https://www.sprm.gov.my/admin/uploads\\_publication/laporan-tahunan-sprm-2022--my-01082023.pdf](https://www.sprm.gov.my/admin/uploads_publication/laporan-tahunan-sprm-2022--my-01082023.pdf)
- Wan Shawaluddin Wan Hassan, Amrullah Maraining & Ramli Dollah. (2020). Isu Penyeludupan di Pulau Sebatik, Malaysia. *Jurnal Kinabalu*, 26(2), 355-380.
- Wayandiana Abdullah & Rahimah Abdul Aziz. (2019). Integriti dan kesedaran polis orang asli terhadap rasuah. Dlm. Rahimah Abdul Aziz, Mohamad Fauzi Sukimi & Nur Hafizah Yusoff (pnyt.), *Malaysia: Pembangunan negara dan kerencaman isu sosial*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wolfe, D. T. & Hermanson, R. D. (2004). The Fraud Diamond: Considering the four elements of fraud. *The CPA Journal*, 1-5.[https://doi.org/10.1016/S1361-3723\(04\)00051-X](https://doi.org/10.1016/S1361-3723(04)00051-X)
- Zam Zam Yunus & Nik Ahmad Sufian Burhan. (2023). Faktor Pelanggaran Integriti Organisasi: Kajian Terhadap Anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Kontinjen Selangor. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(2), 295-309.<https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2002.25>.